

KETOZOL SHAMPOO

Ketoconazole (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ketoconazole
2. Bagaimana Ketoconazole berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ketoconazole
4. Cara menggunakan Ketoconazole
5. Semasa menggunakan Ketoconazole
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ketoconazole
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ketoconazole

Ia digunakan untuk merawat dan mencegah panau, keradangan kulit berminyak dan keleumur.

Bagaimana Ketoconazole berfungsi

Ia mengandungi ketoconazole, yang membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Ketoconazole

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika ada alahan terhadap ramuan-ramuan keluaran.

- Sebelum mula menggunakan

Jangka rawatan lengkap mesti dipenuhi. Jangkitan kulat mungkin memerlukan tempoh rawatan panjang.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Ketoconazole

- Berapa banyak harus diambil

Bahagian berkenaan atau rambut dicuci dengan Ketoconazole, biarkan pada kulit selama 3 – 5 minit sebelum dibilas. Keradangan kulit berminyak atau keleumur – dua kali seminggu untuk 2 – 4 minggu, pencegahan – sekali setiap 1 – 2 minggu. Panau – sekali sehari untuk 5 hari, pencegahan – sekali sehari untuk 3 hari sebagai rawatan tunggal.

Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Ketoconazole

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai. Elakkan syampu terkena mata.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Iritasi, keradangan kulit atau rasa sengit mungkin berlaku. Dalam keadaan luarbiasa, terutama untuk pengguna dengan rambut rosak akibat bahan kimia atau rambut beruban, warna rambut luntur. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Ketoconazole

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Syampu merah berharum bunga.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: ketoconazole
- Bahan tidak aktif: sodium lauryl ethyl sulphate, cocamidopropyl betaine, lanolin, sodium chloride, methyl parabens, propyl parabens, allura red, pewangi, asid sitrik dan air.

- Nombor MAL:

MAL20041249AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/04/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)070417/00061